

# 'Peguam, undang-undang S'pura perlu terus kekalkan kelebihan'

PEGUAM dan undang-undang Singapura perlu terus mengekalkan kelebihan bagi bersaing dalam dunia yang berubah.

Malah, teknologi sedang mengubah cara perniagaan diuruskan dan turut menimbulkan cabaran baru, kata Perdana Menteri Lee Hsien Loong.

"Undang-undang kita tidak boleh tidak berubah, kerana dunia terus berubah. Inovasi dalam perniagaan berlangsung tanpa putus. Penyejagatan dan teknologi sedang mengubah cara perniagaan dilakukan, melahirkan cara perniagaan baru," ujar Encik Lee.

"Undang-undang yang dikemas kini dan berkesan tetapi tidak membebankan telah menjadi sumber daya saing ekonomi yang baru."

Beliau berkata demikian dalam ucapannya di perasmian Pusat EW Barker bagi Undang-Undang dan Perniagaan di Fakulti Undang-Undang Universiti Nasional Singapura (NUS), semalam.

Pusat baru itu dinamakan sempena mendiang Encik E. W. Barker, yang berkhidmat sebagai menteri undang-undang dari 1964 hingga 1988.

Beliau meninggal dunia pada 2001.

Isteri dan anak-anak Encik Barker turut hadir di majlis itu.

Menurut Encik Lee, pusat itu boleh memainkan peranan membantu peguam dan undang-undang Singapura mengekalkan daya saing – menerusi kajian, mengadakan simposium dan pembelajaran.

Pusat itu juga perlu melibatkan rakan kongsi daripada industri perniagaan, pengubal dasar dan pengamal undang-undang di Singapura dan rantau ini.

"Sumbangan anda perlu praktikal dan berteras realiti, bagi mempertingkatkan kehidupan warga Singapura dan memupuk pembangunan Singapura," kata Encik Lee.

Beliau turut mengiktiraf sumbangan mendiang Encik Barker – menteri undang-undang pertama Singapura dan yang berkhidmat paling lama.

Encik Lee berkata Encik Barker peguam mapan yang memainkan peranan penting bagi Singapura dalam tempoh sebelum dan selepas merdeka.

Sebelum perpisahan daripada Malaysia, Encik Barker menulis Persetujuan Perpisahan, Pindaan kepada Rang Undang-Undang Perlembagaan Malaysia dan

Pengisytiharaan Singapura, menurut Encik Lee.

Encik Barker kekal sebagai "aset utama" pemerintah Singapura selepas 1965, tambahnya.

Sebagai Menteri Undang-Undang, beliau juga memainkan peranan penting dalam pembentukan Perlembagaan Singapura dan beberapa undang-undang, seperti Akta Pemerolehan Tanah.

Melebihi keupayaannya dalam bidang undang-undang, Encik Barker berkeupayaan baik dalam politik.

Selain mencadangkan pemerintah memberi insentif kepada keluarga yang tidak melahirkan lebih dua anak pada 1960-an, Encik Barker membina pusat penjaja yang ditawarkan dengan sewa rendah kepada penjaja makanan yang perlu dipindahkan dari tebing Sungai Singapura.

"Dengan menggabungkan pengetahuan undang-undang dengan naluri politik dan sentuhan manusia, Encik Barker melahirkan penyelesaian praktikal yang memberi sumbangan dalam mencipta dan membina Singapura yang makmur," kata Encik Lee.



**ENCIK LEE:** Undang-undang yang dikemas kini dan berkesan tetapi tidak membebankan telah menjadi sumber daya saing ekonomi yang baru. – Foto fail